*Jabatan Perikanan Malaysia*

# MEMO
## BAHAGIAN PELESENAN & PENGURUSAN SUMBER

HJ. JOHARI BIN RAMLI
PENGARAH PELESENAN & PENGURUSAN SUMBER
IBU PEJABAT PERIKANAN
PUTRAJAYA

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Kepada** | : | Y.H. Dato' Ketua Pengarah Perikanan | **Salinan** | : | KC Laut Dalam<br>KC Pelesenan Pantai |
| **Daripada** | : | Pengarah Bahagian PPS | **Ruj. Kami** | : | PRK.ML. 12/33/05 Jld. (55) |
| | | TERIMA 224043 11 JUL 2013 Ketua Pengarah Perikanan Putrajaya | **Tarikh** | : | 11 Julai 2013 |

Y.H. Dato'

**TAMBAHAN SYARAT LESEN VESEL PENANGKAPAN IKAN**

Adalah saya dengan segala hormatnya berhubung dengan perkara di atas.

2. Susulan daripada arahan Y.H.Dato' dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pemantauan Vesel Dan Pelaksanaan VMS Bil. 1/2013 yang diadakan pada 2 April 2013, Bahagian ini telah mengadakan mesyuarat pada 14 Mei 2013 berhubung larangan pergerakan vesel penangkapan ikan tempatan ke luar daripada perairan negara dan tidak membenarkan vesel penangkapan ikan digunakan selain daripada penangkapan ikan.

3. Sehubungan dengan itu, Cawangan Perundangan telah memuktamadkan 2 syarat lesen sebagai tambahan kepada syarat lesen yang sedia ada. Syarat lesen yang dimaksudkan adalah seperti butiran di bawah :

3.1 Vesel penangkapan ikan tempatan tidak boleh berada di luar perairan perikanan Malaysia kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan

3.2 Vesel penangkapan ikan tempatan tidak boleh digunakan bagi tujuan selain daripada yang dilesenkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan

4. Dengan itu, Bahagian ini memohon keputusan Y.H.Dato' berhubung penambahan kedua-dua syarat lesen ini di dalam Buku Lesen Vesel dan Peralatan Penangkapan Ikan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**( HJ. JOHARI BIN RAMLI )**
Pengarah
Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber
PUTRAJAYA